

# Pembangkang tuduh Dr. Mahathir kahwin lagi

UM 25 JUN 1990

PONTIAN 24 Jun — Naib Presiden UMNO, Encik Anwar Ibrahim menafikan dakwaan pembangkang kononnya Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah berkahwin dengan seorang gadis keturunan Cina.

"Setahu saya, Dr. Mahathir tak pernah menikah dengan orang lain selain dari isterinya sekarang," jelasnya.

"Bagaimanapun, jika benar Dr. Mahathir menikah satu lagi, mengapa mereka pula iri hati.

"Lagipun, Dr. Mahathir sihat dan mampu berbuat demikian, apalah salahnya jika dia nak menikah satu lagi," tegasnya.

Encik Anwar menafikan perkara ini ketika berucap di depan lebih 5,000 orang yang menyertai majlis Perhimpunan Perpaduan Barisan Nasional, anjuran UMNO bahagian Pontian, di sini malam tadi.

"Semua orang berkeinginan untuk berkahwin dua, saya sendiripun ingin juga berkahwin satu lagi, cuma saya ni takut sahaja nak lakukan," guraunya sambil disambut dengan gelak ketawa oleh peserta perhimpunan.

Tetapi katanya, apa yang dikesalkan mereka yang membuat fitnah itu sendiri membawa perempuan ke mana-mana tanpa ni-

kah.

Memang benarlah, kalau kita nak menikah tentunya memilih gadis yang muda dan cantik, tetapi apakah tindakan itu juga salah, beliau bertanya.

Beliau menyatakan rasa kesalnya kerana parti pembangkang asyik menyalahkan kerajaan dan para pemimpinnya.

Lebih kesal katanya, dalam setiap perhimpunan, pemimpin PAS akan memulakan ucapan mereka dengan membaca ayat Quran dan diikuti dengan takbir memuji kebesaran Allah, tetapi kemudian mencaci dan membuat fitnah.